

## **PANDUAN ELAUN DAN KEMUDAHAN PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

### **RUJUKAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1978  
PENYATUAN PERKHIDMATAN DALAM JAWATAN PERSEKUTUAN DI SABAH DAN SARAWAK
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 1987  
ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 1988  
ELAUN WILAYAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TEMPATAN YANG BERTUGAS DI SABAH / SARAWAK DAN ELAUN GANGGUAN BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1997  
TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH
5. Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2001  
ELAUN PERUMAHAN WILAYAH BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH
6. Pekeliling Perkhidmatan Bil.29 Tahun 2005  
PINDAHAN TAKRIF WILAYAH BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH
7. Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 2007  
PEMBERIAN KENAIKAN GAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI SISTEM SARAAN MALAYSIA
8. Pekeliling Perkhidmatan Bil.22 Tahun 2008  
KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

### **TUJUAN**

9. Panduan ini bertujuan untuk menetapkan kadar elaun dan kemudahan bagi pegawai yang bertukar wilayah dan berkhidmat untuk Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## TAFSIRAN

10. **Wilayah** bermaksud Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak atau Labuan
11. **Wilayah Asal** bermaksud:
  - a) Wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama;
  - b) Sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza, pegawai boleh memilih sama ada wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sebagai wilayah asalnya;
  - c) Bagi pegawai yang ibu bapanya memperolehi taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika mereka memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia;
  - d) Sekiranya terdapat kes selain yang dijelaskan, pegawai bolehlah merujuk kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.
12. **Pegawai yang bertukar wilayah** bermaksud pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya.
13. **Keluarga Pegawai** bermaksud suami atau isteri dan anak-anak yang di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai termasuk juga anak tiri dan anak angkat yang diiktiraf oleh undang-undang. Walaubagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur ini tidak akan dipakai.

## ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG LAYAK DITERIMA

14. Pegawai yang bertukar wilayah adalah layak menerima elaun dan kemudahan berikut berkuatkuasa mulai dari tarikh pegawai melaporkan diri:
  - i) Elaun Perumahan Wilayah (Lampiran A)
  - ii) Bantuan Insentif Wilayah (Lampiran B)
  - iii) Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (Lampiran C)
  - iv) Tambang Ehsan (Lampiran D)
  - v) Tambang Mengiringi Jenazah (Lampiran E)